



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

TETAMU YANG DIRINDUI

Tarikh Dibaca :

**22 SYAABAN 1443H/
25 MAC 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْنَ كَمَا جَاءُوا إِسْلَامَ مَلَيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TETAMU YANG DIRINDUI

22 SYAABAN 1443H / 25 MAC 2022

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

۱۸۳

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN, marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dinaungi rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan akhirat. Pada hari yang penuh keberkatan ini, khutbah akan membicarakan tajuk “Tetamu Yang Dirindui”.

Sebelum itu, saya ingin mengingatkan agar kita terus melakukan kawalan sendiri bagi membendung wabak penyakit Covid-19. Saya juga dengan tulus hati mengajak umat Islam untuk mendapatkan dos penggalak dan bagi ibu bapa memastikan anak-anak mendapatkan vaksin sebagai ikhtiar kerana telah terbukti mengurangkan risiko ke tahap yang lebih bahaya dan teruslah bermunajat memohon doa kepada Allah SWT agar kita semua mendapat pertolongan dan rahmat dari-Nya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Insya-Allah, dalam lapan hari lagi, kita akan memasuki Bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Seharusnya kita berasa amat gembira dan ternanti-nanti untuk bertemu dengan Bulan Ramadan. Rasulullah SAW turut bergembira dengan ketibaan Ramadan dan menyampaikan khabar gembira itu kepada para sahabat Baginda SAW. Ramadan ibarat tetamu sangat istimewa dan dirindui kehadirannya dengan matlamat menjadikan umat Islam bertakwa. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 183:

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa”.*

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bagi menzahirkan kegembiraan menyambut Ramadan al-Mubarak ini, seharusnya kita mempersiapkan diri dari sudut mental dan fizikal. Beberapa persediaan penting perlu dilakukan iaitu; **Pertama**, memperbaiki niat kita untuk menghadapi Ramadan ini semata-mata kerana Allah SWT. Tanpa niat, maka amalan tidak dikira sebagai ibadat dan ia hanya menjadi adat kebiasaan sahaja. Pada masa yang sama, hendaklah kita memasang tekad dan keazaman untuk memenuhi Ramadan dengan melakukan sebanyak-banyaknya ibadah dan meninggalkan segala kemaksiatan dan kebiasaan buruk yang telah dilakukan.

Kedua, bersungguh-sungguh dalam bertaubat dan mensucikan hati serta jiwa nurani dari sebarang dosa dan kemaksiatan dengan mengharap *maghfirah* (keampunan) dan rahmat daripada Allah SWT. Imam al-Bukhari dan Imam Muslim meriwayatkan dari Abu Hurairah RA dan sahabat lain, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ وَمَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا
وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: *“Barangsiapa yang berpuasa (dalam bulan) Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan keredhaan dari Allah (semata-mata), nescaya akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu. Dan barangsiapa yang melaksanakan qiamullail pada malam al-qadar dengan penuh keimanan dan mengharapkan keredhaan dari Allah semata-mata, nescaya akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu”.*

Ketiga, mengambil peluang mempertingkatkan ilmu serta kefahaman yang jelas tentang Ramadan dan pengisiannya. Tanpa ilmu, setiap ibadah yang dilakukan – termasuk ibadah puasa – hanya menjadi ikutan semata-mata. Hakikat setiap ibadah itu disyariatkan ialah supaya manusia sedar akan kelemahan diri dan menyedarkan matlamat pengabdian hidup hanya kepada Allah SWT semata-mata.

Keempat, berusaha menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang sia-sia, berkata-kata yang tidak perlu, mengelakkan pertengkaran dan sebagainya kerana boleh membawa kepada permusuhan. Umat Islam seharusnya bersatu dan berpadu atas agama Allah SWT dan meninggalkan sebarang perselisihan. Kesempatan dalam baki Bulan Syaaban ini sepatutnya diisi dengan memperkukuhkan ukhwah sesama muslim dan menjauhi permusuhan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kehadiran Ramadan perlu dimanfaatkan sebaiknya terutama dalam institusi kekeluargaan. Para bapa dan ibu berperanan penting dalam mendidik anak-anak dengan adab dan ilmu Islam serta menjauhi perbuatan yang melanggar peraturan Allah SWT seperti pergaulan bebas, jenayah dadah, penzinaan, LGBT dan seumpamanya.

Baru-baru ini hangat diperkatakan tentang sedutan adegan melampau dalam sebuah drama tempatan. Perkara ini sangat mendukacitakan kita semua tambahan lagi kita sedang memasuki bulan yang mulia, bulan Ramadhan. Lakonan yang mengandungi elemen kelucahan sebegini mesti diharamkan serta merta. Bertaubatlah, dan hentikanlah normalisasi dosa dan maksiat walaupun sekadar lakonan. Sebagai orang mukmin, kita mesti cakna dan saling menegur dengan sebarang kemungkaran yang berlaku di sekeliling. Itulah tanda kita memiliki iman. Rasulullah SAW telah menjelaskan tentang hal ini ketika baginda ditanya tentang iman oleh seorang sahabat.

مَا الْإِيمَانُ؟ قَالَ: إِذَا سَرَّتْكَ حَسَنَتُكَ، وَسَاءَتْكَ سَيِّئَتُكَ فَأَنْتَ مُؤْمِنٌ

Maksudnya: *“Wahai Rasulullah! Apakah yang dimaksudkan dengan iman? Rasulullah SAW menjawab: Sekiranya engkau berasa tenang dengan amal solehmu dan engkau tidak selesa (sensitif) dengan kemungkaran yang kamu lakukan, maka sesungguhnya kamu adalah orang yang beriman”.* (Hadis riwayat Imam Ahmad dan al-Nasai’e)

Lalu bagaimana keadaan kita apabila melihat dosa dan kemungkarannya yang berlaku di sekeliling kita?

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib juga ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah kepada Polis Diraja Malaysia sempena Ulangtahun Ke-215 pada 25 Mac 2022 dengan tema “Polis dan Masyarakat berpisah tiada”. Semoga Allah merahmati seluruh anggota PDRM dan terus menjaga keselamatan negara dengan ikhlas, amanah dan integriti.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebagai kesimpulan khutbah hari ini, renungkanlah intipati berikut:

Pertama: Bulan Ramadan diumpamakan seperti tetamu yang sangat istimewa dan dirindui kehadirannya. Seharusnya kita bergembira dengan kehadiran Ramadan kerana fadhilat dan tawaran besar yang dijanjikan oleh Allah SWT.

Kedua: Setiap mukmin perlu mempersiapkan diri dari segi mental dan fizikal dengan melakukan persediaan yang cukup bagi memasuki Ramadan al-Mubarak.

Ketiga: Kehadiran Ramadan perlu dimanfaatkan sebaiknya terutama dalam institusi kekeluargaan untuk membentuk mukmin yang bertakwa kepada Allah SWT.

Ingatlah bahawa Allah SWT tidak akan mempersiakan usaha hamba-hamba-Nya yang gigih mencari keredhaan-Nya. Justeru, janganlah berasa lemah, malas dan putus asa dalam beramal soleh dan mencari keredhaan dan keampunan-Nya. Renungilah firman Allah SWT dalam Surah al-Israa' ayat 19:

وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ وَسَعَىٰ لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ كَانَ سَعْيُهُمْ مَّشْكُورًا ۝١٩

Maksudnya: “Dan sesiapa yang menghendaki akhirat dan berusaha mengerjakan amal-amal yang baik untuk akhirat dengan usaha yang layak baginya, sedang ia beriman, maka mereka yang demikian keadaannya, diberi pahala akan amal usahanya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا
مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُكُو
حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ
إِسْكَندَرَ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رِخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Hindarkanlah kami dari sebarang bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
 وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.